

# Wakil rakyat BN tak boleh lompat

UM 19 JAN 2003

Oleh ZULKIFLI JALIL

PULAU PINANG 18 Jan. — Wakil rakyat Barisan Nasional (BN) tidak akan dibenarkan melompat ke parti lain dan jika dilakukan mereka boleh digantung atau dipecat.

Hukuman itu pula tidak lagi diputuskan oleh parti yang dianggotai oleh wakil rakyat berkenaan tetapi telah diberi kuasa kepada Dewan Tertinggi BN.

Kedua-dua elemen penting ini terkandung dalam 'Draf Peraturan Wakil Rakyat BN' yang akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan BN yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk diperhalusi.

Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat memberitahu *Mingguan Malaysia* hari ini, selepas itu ia akan dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN untuk dibincangkan oleh semua pemimpin komponen parti sebelum diluluskan.

Beliau berkata, draf itu untuk memastikan BN tidak lagi 'dilemahkan' oleh tindak tanduk wakil rakyat mereka sendiri yang berlaku sebelum ini.

Dengan ada peraturan ini, katanya, semua wakil rakyat dikehendaki mematuhi pendirian BN dalam segala isu melibatkan kerajaan dan pembangkang.

Menurut Mohamed, kuasa penuh Dewan Tertinggi dalam soal tersebut adalah berlandaskan prinsip bahawa semua wakil rakyat BN adalah wakil parti pemerintah tersebut.

"Mereka tidak akan menang dalam sesuatu pilihan raya dengan membawa bendera parti masing-masing, melainkan boleh berbuat demikian di bawah panji panji BN," katanya.

Beliau mengulas draf peraturan baru mengenai disiplin wakil-wakil rakyat BN yang diarah oleh Dr. Mahathir untuk disiapkan bagi menentukan prosedur BN dipatuhi oleh semua wakil rakyatnya.

Arahan itu dikeluarkan oleh Dr. Mahathir selepas mempekerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN 7 Januari lalu yang membincangkan mengenai tindakan penggantungan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang dari MCA yang mengambil pendirian berkecuali dalam usul yang dibawa oleh pembangkang.

Menurut Mohamed, pihaknya masih merangka peraturan yang perlu dipatuhi termasuk risiko yang akan mereka hadapi jika gagal mematuhinya.

"Mungkin akan digantung atau dipecat dari BN. Terserah kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Dewan Tertinggi BN untuk mengkaji secara muktabad draf tersebut," katanya.

Banyak insiden lompat parti berlaku di kalangan 14 parti komponen BN sehingga kadang kala menimbulkan dilema kepada Dewan Tertinggi BN untuk membuat keputusan.

Malah, beberapa insiden serupa turut ditangani secara berbeza oleh parti komponen tertentu.

Antaranya, MCA hanya mengantung keahlian tanpa had masa ADUN Datuk Keramat, Pulau Pinang, Lim Boo Chang dan Tan Cheng Liang (Jawi) selepas kedua-duanya berkecuali dalam usul DAP yang menggesa penangguhan projek Kerajaan Pusat iaitu Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion.

Gerakan pula pernah memecat Pengerusi Sementara parti itu di Sabah, Datuk Kong Hong Ming kerana bersikap berkecuali ketika pindaan lima undang-undang negeri yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 17 Jun 1996.

Insiden lompat parti turut berleluasa di Sabah, khususnya di kalangan wakil rakyat Parti Bersatu Sabah (PBS).

Ia dikhuatiri berulang pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah yang dijadual pada April 2004, jika tidak ditangani segera.